

**Pemuda UMNO kecam ketua pembangkang
Utusan Online
Januari 29, 2012**

KUALA LUMPUR 28 Jan. - Pergerakan Pemuda UMNO hari ini mengecam sekeras-kerasnya kenyataan pro-Israel oleh Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam satu wawancara bersama The Wall Street Journal, kelmarin.

Pengerusi Biro Antarabangnya, Datuk Ahmad Zaki Zahid (gambar) berkata, berdasarkan perkembangan terbaru itu, Anwar seolah-olah cuba mengampu 'rakan-rakan tertentu', kebanyakannya terdiri daripada mereka yang berdiri teguh di belakang rejim Israel.

Menurutnya, isu keselamatan Israel tidak sepatutnya ditimbulkan kerana pihak yang tertindas selama ini adalah rakyat Palestin dan bukannya rejim Zionis itu.

"Di kala rakyat Palestin menderita di bawah rejim Zionis itu, ada pemimpin Malaysia yang mahu membantu Israel yang cukup dengan peralatan tentera termasuk kuasa nuklear serta mendapat sokongan padu dari negara-negara Barat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Anwar di dalam wawancaranya bersama The Wall Street Journal, kelmarin yang antara lain Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu menyokong setiap usaha untuk melindungi keselamatan negara Israel.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zaki yang juga Pengerusi Aman Malaysia berkata, kenyataan Anwar itu bercanggah dengan pendirian kerajaan dan rakyat Malaysia yang mahukan keadilan dan keselamatan bagi negara Palestin.

"Malah pendirian tersebut telah dizahirkan oleh Parlimen Malaysia berkali-kali dengan mendapat sokongan parti kerajaan dan pihak pembangkang termasuk parti Anwar sendiri. Namun apabila ditanya oleh media luar, pendiriannya bercanggah pula," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0129&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm